



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**MENGHAYATI PERANAN WANITA DALAM TEKS SULALATUS SALATIN  
SELENGGARAAN A.SAMAD AHMAD  
( KAJIAN TEKS )**

**WAN NOOR HAZIZI BT WAN TAIB**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT  
UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN  
KESUSASTERAAN MELAYU**

**FAKULTI BAHASA  
JABATAN KESUSASTERAAN MELAYU  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2010**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## PENGAKUAN

Saya mengakui bahawa disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.



Tarikh : 10. 01. .2010

WAN NOOR HAZIZI BT WAN TAIB  
M20081000080





## PENGHARGAAN

Saya luhurkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T lantaran dengan izin dan rahmatnya telah mengurniakan kekuatan, hidayat dan keazaman kepada hambanya bagi menyempurnakan Latihan Ilmiah yang bertajuk “ Menhayati Peranan Wanita Dalam Teks Sulalatus Salatin Selenggaraan A. Samad Ahmad ( Kajian Teks ) “. Sekalung budi, seraup kasih saya hamparkan buat Dr. Hj. Talib Samat selaku Pensyarah penyelia Latihan Ilmiah yang tidak pernah jemu membimbing, memberi tunjuk ajar dan memberi sokongan moral sepanjang pengkaji menyiapkan tugas ini walaupun pelbagai dugaan dan rintangan yang terpaksa ditempuhi.

Di kesempatan ini, ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato Paduka Prof. Madia Dr. Rosli Saludin sebagai Ketua Jabatan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa Universiti Pendidikan Sultan Idris dan para pensyarah yang banyak memberi serta mencurahkan ilmu dan bakti sepanjang pengkaji menimba ilmu di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Ucapan terima kasih juga diajukan kepada keluarga tersayang terutama, Ayah, dan Emak dan Adik-Adik yang banyak memberi dorongan dan iringan doa sehingga pengkaji berjaya menyiapkan Latihan Ilmiah. Buat rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu dan memberi dorongan, ucapan ribuan terima kasih ku hulurkan kerana sudi berkongsi suka, duka, pahit dan manis di sepanjang bergelar mahasiswa sarjana di Universiti Pendidikan Sultan Idris.





Akhir bicara semoga kajian yang sekelumit ini akan menjadi panduan dan pedoman untuk menimba ilmu di alam yang fana ini. Semoga usaha ini akan beroleh manfaat dan direstui oleh Illahi hendaknya.

Sekian terima kasih.

**WAN NOOR HAZIZI BT WAN TAIB**  
**JABATAN KESUSASTERAAN MELAYU**  
**FAKULTI BAHASA**  
**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**  
**35900 TANJUNG MALIM PERAK DARUL RIDZUAN.**

**LOT 1061, LORONG MASJID TAQWA**  
**KG BARU PASIR PEKAN,**  
**16250 WAKAF BARU KELANTAN**





## ABSTRAK

Dalam perbincangan ini, pengkaji telah mengetengahkan tentang Menghayati Peranan Wanita Dalam Teks *Sulalatus Salatin* Selenggaraan A. Samad Ahmad ( Kajian Teks ). Kajian ini telah dijalankan terbahagi kepada lima Bab. Bab pertama membincangkan tentang latar belakang kajian. Perkara yang disentuh dalam bab ini ialah pengenalan, pernyataan masalah, hipotesis kajian, kepentingan kajian, batasan kajian definisi istilah dan kesimpulan. Dalam bab dua pula pengkaji telah membicarakan tentang tinjauan literature yang bermula dengan pengenalan dan beberapa kajian yang berkaitan dalam kajian yang dijalankan. Manakala bab tiga membincangkan tentang metodologi kajian yang didahului dengan pengenalan dan seterusnya sehinggalah kepada kesimpulan. Bab empat pula membicarakan tentang analisis novel mengenai peranan-peranan wanita dan dapatan kajian yang telah dilakukan secara kajian teks, temu bual dan kajian perpustakaan. Bab akhir pula telah memperkatakan tentang pengenalan, rumusan, cadangan dan saranan serta kesimpulan bagi bab lima. Dengan adanya pembahagian bab dalam tesis sastera ini, telah memudahkan pengkaji untuk menggunakan latihan ilmiah ini sebagai panduan dan rujukan penghasilan buku ilmiah yang lain terutama dalam bidang kesusasteraan.





## ABSTRACT

In this discussion, the text of *Peranan Wanita Dalam Teks Sulalatus Salatin Selenggaraan A. Samad Ahmad (kajian Teks)* is being researched. This research is being separated into five chapters. The first chapter discuss about the research background such as introduction, problem discussion, hypothesis, the importance of this research, the constraints and the conclusion. In the second chapter, the researcher discussed about literature review which begin with the introduction and some other research that relates with this research. The third chapter discuss on the research methodology which begin with the introduction until to the conclusion. The forth chapter discussed about the novel analysis on the historical facts and figures which is done by text research, interview and library research. The last chapter represents the introduction, summary, proposal and conclusion of the research. With this chapter separation in this literature research, it makes this research easier for the researcher to use the knowledge exercise as a guidance to develop literature books as a whole.





## ISI KANDUNGAN

### PERKARA

### HALAMAN

#### Judul

#### Pengakuan

ii

#### Penghargaan

iii - iv

#### Abstrak

v

#### Abstar

vi

#### Kandungan

vii - x

#### Senarai Lampiran

xi

## BAB SATU : PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

1 – 5

### 1.2 Pernyataan Masalah

5 – 7

### 1.3 Definisi Istilah

8

#### 1.3.1 Hayat

8

#### 1.3.2 Hayati

8

#### 1.3.3 Menghayati

8

#### 1.3.4 Penghayatan

9

#### 1.3.5 Peranan

9 – 10



|        |                    |         |
|--------|--------------------|---------|
| 1.3.6  | Berperanan         | 10      |
| 1.3.7  | Wanita             | 10 – 11 |
| 1.3.8  | Kewanitaan         | 11      |
| 1.3.9  | Perwanitaan        | 11 – 12 |
| 1.3.10 | Dalam              | 12      |
| 1.3.11 | Kajian Khas        | 12      |
| 1.4    | Kepentingan Kajian | 13      |
| 1.5    | Objektif Kajian    | 14 – 15 |
| 1.6    | Hipotesis Kajian   | 15 – 16 |
| 1.7    | Batasan Kajian     | 16 – 18 |
| 1.8    | Kaedah Kajian      | 18 – 19 |
| 1.9    | Kesimpulan         | 19 – 20 |

## BAB DUA : TINJAUAN LITERATUR

|     |                         |         |
|-----|-------------------------|---------|
| 2.1 | Pengenalan              | 21 – 22 |
| 2.2 | Bidang Kajian           | 23      |
| 2.3 | Kajian Terdahulu        | 24 – 25 |
| 2.4 | Teori Persejarahan Baru | 25 – 27 |
| 2.5 | Kesimpulan              | 27 – 28 |

## BAB TIGA : METODOLOGI

|     |                 |         |
|-----|-----------------|---------|
| 3.1 | Pengenalan      | 29 – 30 |
| 3.2 | Kerangka Konsep | 31      |

|       |                                          |         |
|-------|------------------------------------------|---------|
| 3.3   | Sampel Kajian                            | 31 – 33 |
| 3.4   | Reka Bentuk Kajian                       | 33      |
| 3.4.1 | Kajian Teks Sulalatus Salatin            | 33 – 34 |
| 3.4.2 | Kajian Perpustakaan                      | 35 – 36 |
| 3.4.2 | Temu Bual atau Wawancara                 | 36      |
| 3.5   | Populasi                                 | 37– 38  |
| 3.6   | Prosedur Pengumpulan Maklumat dan Fakta  | 38 – 39 |
| 3.7   | Penganalisan Maklumat dan fakta          | 39 – 40 |
| 3.8   | Jadual Perancangan dan Pengumpulan Fakta | 40 – 42 |
| 3.9   | Kesimpulan                               | 42 – 43 |

#### **BAB EMPAT : ANALISIS NOVEL DAN DAPATAN KAJIAN**

|       |                                                        |         |
|-------|--------------------------------------------------------|---------|
| 4.1   | Pengenalan                                             | 44 – 45 |
| 4.2   | Menghayati peranan Wanita Dalam Teks Sulalatus salatin | 45 – 47 |
| 4.2.1 | Wanita Sebagai Penentu Corak Pemerintahan              | 47 – 50 |
| 4.2.2 | Wanita Sebagai Pengoda Dan Punca Sengketa              | 50 – 53 |
| 4.2.3 | Wanita Sebagai Penyambung Zuriat                       | 53 – 55 |
| 4.2.4 | Wanita Sebagai Alat Perdamaian Politik                 | 55 - 57 |
| 4.2.5 | Wanita Boleh Merapatkan Hubungan Diplomatik            | 57 – 59 |
| 4.2.6 | Wanita Sebagai Punca Fitnah                            | 59 – 61 |
| 4.2.7 | Wanita Berperanan Sebagai Menyindir Golongan Raja      | 61 – 62 |
| 4.3   | Kesimpulan                                             | 63      |



## BAB LIMA: RUMUSAN DAN CADANGAN

|     |                      |         |
|-----|----------------------|---------|
| 5.1 | Pengenalan           | 64 - 66 |
| 5.2 | Rumusan              | 66 - 68 |
| 5.3 | Cadangan Dan Saranan | 69 - 71 |
| 5.4 | Kesimpulan           | 71 - 72 |

## BIBLIOGRAFI



## LAMPIRAN





## SENARAI LAMPIRAN

- LAMPIRAN B :** Kulit Teks *Sulalatus Salatin*. Selenggaraan A. Samad Ahmad  
Tahun 1996 dan 2009
- LAMPIRAN C :** Kertas Kerja, Kertas Temu Bual, Kertas Seminar, Jurnal Dari  
Majalah Dewan Sastera Dan Dewan Budaya





## BAB SATU

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan



*Sulalatus Salatin* adalah judul asal *Sejarah Melayu*, dan judul inilah yang digunakan untuk versi terbaru ini. Sepanjang yang diketahui versi ini telah menunjukkan beberapa kelainan yang jelas dan ia lebih mendekati karya asal sekiranya dibandingkan dengan versi-versi iaitu Shallabear, Abdullah Munshi dan Winstedt. Walau bagaimanapun ia masih mempunyai persamaan asas dengan versi yang sedia ada.

Peranan golongan wanita dalam politik tradisional Melayu mencakupi pelbagai bidang untuk dikaji secara mendalam. Kajian ini akan menumpukan peranan wanita dalam beberapa naskah historiografi tradisional Melayu. Walaupun pelbagai tanggapan yang melemahkan peranan wanita tradisional Melayu diutarakan, namun beberapa





bukti dapat dilihat hasil dari kajian yang dilakukan ke atas teks-teks atau naskhah-naskhah berbentuk sejarah silam.

*Sulalatus Salatin* ( Selenggaraan A. Samad Ahmad ) telah dikaji untuk melihat peranan golongan wanita tradisional dalam memainkan peranan mereka dalam struktur politik tradisional Melayu. Tanggapan yang menetapkan wanita sebagai tidak berperanan dalam mengubah atau mempengaruhi sistem politik dan geopolitik di kalangan masyarakat di zaman lampau ratusan tahun lalu, adalah bersalahan sama sekali. Peranan wanita didapati amat besar dan berpengaruh dalam menentukan hala tuju sesebuah kerajaan tradisional, contohnya kesultanan Melayu Melaka.

Watak-watak wanita di dalam teks *Sulalatus Salatin* boleh dikatakan, banyak memainkan peranan penting dalam perjalanan plot dan peristiwa cerita seperti mana yang digambarkan oleh Tun Sri Lanang melalui teks *Sulaltus Salatin* yang di selenggara oleh A. Samad Ahmad. Keadaan ini tidaklah menhairankan pembaca kerana ia berkaitan dengan zaman dan cerita yang berlaku iaitu pada zaman kerajaan Melayu Melaka. Walau bagaimanapun pada ketika itu nasib wanita hanya ditentukan oleh kaum lelaki yang banyak meletakkan taraf wanita di takut yang rendah, memandangkan kaum lelaki diperkatakan dengan era penguasaannya. Dengan itu nasib wanita itu telah ditentukan secara bulat-bulat oleh kaum lelaki.

Namun demikian terdapat segelintir watak wanita yang perlu diberi perhatian yang mendalam dan sewajarnya kerana peranan dan tanggungjawab mereka berkaitan dengan sejarah kesultanan Melayu Melaka. Kehadiran mereka ( watak wanita ) telah membuka ruang dan pandangan terhadap kepada pelbagai lingkaran peristiwa yang





telah meninggalkan kesan yang mendalam terhadap sejarah perkembangan Melayu itu sendiri. Watak – watak wanita yang terdapat dalam teks *Sulalatus Salatin* selenggaraan A.Samad Ahmad boleh dibahagi kepada beberapa jenis atau golongan berdasarkan kedudukan ( keturunan ) dan kepentingan statifikasi sosialnya. Pembahagian ini adalah seperti berikut.

Watak wanita dari golongan raja atau puteri-puteri raja, di antara mereka ialah seperti Puteri Shahrul Bariyah iaitu anak kepada Raja Kida Hindi yang telah berkahwin dengan Raja Iskandar Zul-karnain. Begitu juga dengan Puteri Raden galuh Cendera Kirana iaitu puteri Ratu atau Betara Majapahit yang telah dikahwinkan denga Sultan Mansur Syah.

*Sulalatus Salatin* atau *Sejarah Melayu* ada menyebut tentang peranan yang dimainkan oleh golongan wanita yang berpusat kepada kerajaan Melayu Melaka.

*Sejarah Melayu* dan *Sulalatus Salatin* merupakan hasil karya sastera yang bercorak sejarah yang telah memberi tumpuan terhadap kebangkitan kerajaan Melayu Melaka pada abad 15. Negeri Melaka menjadi terkenal di rantau Asia dan kepulauan Melayu pada dekat itu kerana perkembangan kegiatan perdagangan dan zaman kegemilangan kerajaan Melayu Melaka sampailah ketanah Jawa Indonesia.

Melaka sebagai sebuah kerajaan yang terkenal keseluruh pelusuk kepulauan Melayu dan tanah jajahan Majapahit. Kerajaan Melayu Melaka juga pernah mencapai zaman kegemilangan yang begitu hebat sehingga tiada bandingan pada masa itu. Melaka dianggap mempunyai pebagai peranan yang mainkan oleh pelbagai golongan masyarakat di negeri Melaka ketika itu contohnya golongan yang paling





bertanggungjawab ialah Sultan, Pembesar, Alim Ulama, Bangsa-Bangsa Asing, termasuk juga golongan atau kaum wanita yang dianggap berperan dalam mencorak keadaan masyarakat dan kehidupan pada zaman lampau.

Peranan yang dimainkan oleh setiap golongan wanita itu mempunyai hubungan yang begitu penting dengan sistem pemerintahan, sosial, politik dan juga aspek-aspek yang dikatakan berkaitan dengan kepentingan individu, sama ada dalam bentuk positif ataupun negatif. Dengan demikian wajarlah dikatakan bahawa kaum atau golongan wanita juga begitu penting di samping golongan kaum lelaki yang memegang tanggungjawab harian.

Menelusuri peranan wanita dalam teks *Sulalatus Salatin* adalah satu hamparan pencarian yang abstrak kerana begitu mendalam bukan sahaja menjadikan sebuah karya sastra itu sebagai bahan hiburan semata-mata tetapi ia juga lebih penting adalah sebagai bahan untuk pembaca mendapatkan sumber pendidikan tentang menghayati peranan-peranan wanita dalam teks *Sulalatus Salatin* seperti mana yang telah ditimbulkan terutama aspek yang berkaitan dengan masyarakatan, moral, ekonomi dan juga berkenaan dengan politik. Sumber yang begini boleh memberi renungan kepada pembaca, pengkaji sejarah dan pelajar. ( Kamarudin Hj husin ,1988;2 ).

Melalui perkembangan hasil karya Kesusasteraan Melayu, masyarakat dapat memahami, menghayati dan memanfaatkan unsur-unsur sejarah dan nilai-nilai murni dari segi kerohanian, kemanusiaan, kemasyarakatan dan kebudayaan .(pelita bahasa ,januari 2001) . Semangat kekitaan juga telah dipupuk terhadap pelajar dan masyarakat





kita melalui genre-genre kesusasteraan Melayu terutama genre *Sulalatus Salatin* yang terpilih serta bersesuaian bagi mencapai matlamat tersebut.

## 1.2 Pernyataan Masaalah

Pengkaji telah menyedari bahawa pentingnya peranan atau kedudukan wanita pada hari ini dan juga pada zaman lampau seperti yang dijelaskan dalam teks *Sulalatus Salatin* yang diselenggara oleh A.Samad Ahmad. Dengan sebab itulah kajian ini dijalankan keatas buku teks kesusasteraan Melayu lama atau Karya Agung iaitu *Sulalatus Salatin* . Kajian yang dilakukan adalah tentang peranan wanita pada zaman lampau terutama zaman kerajaan Melayu Melaka. Pada zaman lampau wanita di anggap tidak penting pada kaum lelaki dalam semua aspek . Pandangan yang kolot itu adalah salah kerana pada zaman moden ini wanita berperanan sama seperti kaum lelaki yang sama-sama meninggikan sara hidup dan ekonomi negara dalam semua aspek.



Pengkaji hanya melihat dari aspek peranan wanita yang terdapat dalam teks ini dengan lebih mendalam lagi malah teks *Sulalatus Salatin* juga dianggap sebagai fokus utama rujukan pengkaji. Di sini pengkaji dan masyarakat serta pelajar dapat mengambil iktibar tentang peranan wanita pada masa lalu seperti yang di sebarakan oleh guru ketika belajar di sekolah. Perbandingan tentang peranan wanita zaman moden dan zaman lampau yang saling berkaitan antara satu sama lain. Pengkaji juga telah mendapati bahawa pelajar, masyarakat dan pengkaji sejarah dapat menguasai dan berfikir tentang kepentingan wanita dalam kehidupan di dunia ini. Masyarakat juga dapat berfikir tentang kehendak dan keperluan yang diinginkan dalam menharungi kehidupan yang normal. Jika tiada wanita dalam dunia ini adalah tidak bermakna dalam kehidupan dan tidak seperti pemikiran pada zaman lampau terutama zaman kerajaan Melayu Melaka.





Di mana wanita hanya dianggap sebagai barang mainan, sumber hiburan, sebagai hadiah, rampasan perang dan sebagainya.

Pelbagai masaaalah yang timbul tentang proses pencarian dan mengenal pasti peranan wanita dalam teks *Sulalatus Salatin* yang telah dijalankan oleh pengkaji. Di mana pengkaji tidak dapat memahami dengan jelas tentang perkaitan menghayati peranan wanita pada zaman kerajaan Melayu melaka dengan zaman kemajuan pada hari ini. Keadaan ini berlaku kerana tanggapan pengkaji dan masyarakat dalam hal ini adalah bertentangan, perbezaan masa dan perubahan hidup serta pemikiran dalam kehidupan. Pada zaman dahulu wanita hanya terkonkong dalam arus kehidupan kerana masyarakat yang melahirkan sedemikian. Pada hakikatnya semuanya ciptaan kaum lelaki yang mengatur corak hidup di zaman lampau. Pelajar juga banyak mempertikaikan tentang corak kehidupan zaman lampau dan masa kini tentang wanita dalam kehidupan.



Masaalah yang timbul apabila kebanyakan masyarakat terutama masyarakat dan pelajar yang memilih mata pelajaran kesusasteraan Melayu bukan kerana minat tetapi hanyalah sebagai mencukupi syarat peperiksaan sahaja. Hal ini boleh menyebabkan kertas kesusasteraan Melayu salah satu mata pelajaran yang tidak begitu dibanggakan di sekolah-sekolah. Menurut Azman wan Chik (1981) kertas kesusasteraan Melayu hanyalah disogokan kepada pelajar-pelajar yang tidak ada pelajaran lain atau sekadar mencukupi kertas kepada pelajar yang tidak boleh ambil kertas lain. Oleh itu, guru terpaksa melakukan pelbagai cara agar mereka lulus dalam kertas kesusasteraan Melayu.





Walau bagaimanapun pengajaran kertas kesusasteraan terutama teks *Sulalatus Salatin* adalah wajib bagi semua pelajar untuk mempelajarinya, bagi yang mengambil kertas sastera. Tidak dinafikan bahawa terdapat pelajar yang kurang berminat terhadap teks sastera kerana amat sukar baginya. Hal ini boleh menyebabkan pelajar yang mengikuti pengajaran sastera kerana terpaksa dan hanyalah untuk lulus sahaja dalam peperiksaan semata-mata. Dalam kertas kesusasteraan Melayu adalah satu kertas yang berasingan di peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM ). Antara bahan-bahan kesusteraan juga telah lama digunakan dalam mata pelajaran bahasa Melayu di peringkat yang sama. Pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan Melayu di sekolah-sekolah tidak begitu sempurna kerana proses pengajaran yang tidak serius. (Tesis Sarjana Alimi mat said. 2009)



Ketidak sempurnaan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah secara keseluruhannya adalah berpunca daripada wujudnya satu sistem pendidikan yang terlalu berorientasikan peperiksaan. Sistem pendidikan yang ada sekarang lebih berorientasikan peperiksaan iaitu telah menekankan aspek kognitif (pegentahuan) dan bukan aspek afektif. Oleh kerana telalu mementingkan peperiksaan, para pelajar hanya lebih gemar mencari bahan-bahan yang lebih mudah dan menepati kehendak peperiksaan. Buku-buku ulasan yang telah tersedia ada di pasaran telah memudahkan mereka belajar. Secara umunya perkara seperti ini boleh membunuh minat mereka terhadap kesusasteraan Melayu yang sebenarnya boleh berfungsi sebagai bahan untuk mengenali hati nurani manusia secara indah dan boleh menyuburkan daya kreatif dalam kehidupan mereka. Menurut Dr Kamarudin Hj Husin,(1988;3)





### 1.3. Definisi Istilah

Bagi tujuan kajian teks *Sulalatus Salatin* selenggaraan A.Samad Ahmad, pihak penkaji telah merasakan perlu memberi definisi atau takrifan istilah atau konsep yang mengikut konteks yang sesuai dengan kajian ini. Beberapa takrifan perlu dinyatakan secara jelas agar pelajar dapat memahami tentang istilah yang dinyatakan. Konteks ini perlu diberi definisi agar dapat membawa penkaji lebih memahami teks *Sulalatus Salatin* dan pihak yang berkenaan kearah objektif yang ingin dicapai secara menyeluruh.

#### 1.3.1 Hayat

Menurut Kamus Dewan keluaran Edisi Ketiga (1998:447) telah membawa erti tentang pengetahuan, tentang makhluk yang hidup termasuklah termasuklah manusia dan haiwan di alam ini.



#### 1.3.2 Hayati

Menurut catatan Kamus Dewan Edisi Keempat telah menyatakan bahawa, maksud atau boleh diertikan sebagai riwayat hidup atau mengenai hayat dalam kehidupan. Ia boleh didefinisikan sebagai sesuatu perkara atau peristiwa yang dialami atau dihayati secara mendalam oleh seseorang dalam kehidupan yang zahirnya.

#### 1.3.3 Menghayati

Menghayati juga boleh diertikan sebagai mengalami dan merasai sendiri segala apa yang telah berlaku secara luaran dan dalaman ataupun sebagai kebatinan yang telah meresap ke dalam jiwa dan sanubari. Matlamat yang sebenarnya adalah untuk menyatakan tentang nilai-nilai akhlak seseorang pada akhirnya. Kamus Dewan (Edisi



Keempat ) telah mendefinisikan sebagai mengalami dan merasai ( kebatinan ) yang telah meresap ke dalam jiwa seseorang manusia.

### 1.3.4 Penghayatan

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga ( 1998 : 447 ) telah mendefinisikan tentang erti penghayatan ialah perihal bagi menghayati, perihal mengalami dan yang boleh merasai dalam kebatinan dan zahirnya. Dengan ini juga boleh dijelaskan bahawa menghayati dengan mengalami, meresap dan merasai segala peristiwa yang berlaku keatas wanita yang terdapat dalam teks *Sulalatus Salatin*. Bagi meninggikan lagi pengetahuan, masyarakat telah disarankan agar merujuk buku-buku yang baik yang boleh meningkatkan dan boleh meninggikan tahap estetika pada masyarakat dan pembaca.

### 1.3.5 Peranan

Sebut sahaja tentang peranan yang telah diamanahkan oleh orang lain untuknya merupakan satu pearan yang perlu dipikul dan bertanggungjawab dalam menguruskannya dengan jayanya. Menurut *Kamus Dewan* ( Eidsi ke Empat ) peranan adalah suatu tugas atau tanggungjawab yang telah dipertanggungjawab keatasnya untuk menunaikan segala yang telah di amanahkan oleh orang tertentu. Oleh itu apabila kita membaca teks *Sulalatus Salatin*, peranan wanita dalam teks ini adalah amat ketara pentingnya dalam mencorak langkah kaum wanita dalam era pemerintahan dan perjalanan hidup mereka.

Kebanyakannya peristiwa yang telah digarapkan oleh penulis dalam konteks ini adalah luas dan banyak menonjolkan pelbagai unsure yang menarik dan sebagainya. Tun Sri Lanang juga ada memaparkan sikap wanita dalam pelbagai sifat bagi



menonjolkan sistem beraja, terutama pada zaman kerajaan Melayu melaka. Teks *Sulalatus Salatin* selenggaraan A.Samad Ahmad telah menonjolkan nilai positif dan negatif pada watak wanita sama ada dari golongan raja atau rakyat biasa.

### 1.3.6 Berperanan.

Berperanan adalah salah satu pekerjaan yang telah di pertanggungjawab dan perlu dilakukan dalam bidang tertentu dan berkemahiran. Menurut *Kamus Dewan* ( Edisi Ke Empat ) berperanan adalah salah satu tanggungjawab atau mempunyai peranan yang memainkan atau memegang sesuatu peranan penting yang telah dipertanggungjawabkan kepadanya. Dalam hal ini juga konsep berperanan hanyalah dua hala antara guru dan pelajar, contohnya guru hanyalah sebagai penasihat atau fasilitator sahaja yang sentiasa memerhatikan gerak laku pelajar. Manakala pelajar pula merupakan orang yang diberi peranan dan berperanan dalam pelbagai perkara dan bidang yang telah dipertanggungjawabkan oleh guru untuknya. Dalam kajian ini hanyalah pelajar yang menjalankan peranan dan melalui pemerhatian oleh guru mereka.

### 1.3.7 Wanita.

Merujuk kepada perkara wanita semua orang dapat mengentahui tentangnya secara dasarnya. Namun wanita adalah satu keistimewaan yang berlawanan antara lelaki dan wanita , dan saling perlu memerlukan antara satu sama lain. Dalam konteks ini , *Kamus Dewan (1998:1545)* ada menyatakan tentang wanita yang boleh dikaitkan dengan pelbagai tanggapan pada masa lampau dan pada hari ini. Wanita merupakan seorang perempuan Terutama pada kaum ibu, kaum puteria atau gadis remaja yang berfikiran genit sahaja .Di mana wanita hanya memikirkan tentang dirinya dan segala sikapnya.





Dalam teks *Sulalatus Salatin* banyak tentang watak wanita yang digambarkan seumpama ini dalam pelbagai peristiwa yang ditonjolkan oleh Tun Sri Lanang.

### 1.3.8 Kewanitaan

Dalam konteks kajian ini pula menggambarkan tentang konsep kewanitaan yang menarik perhatian kaum lelaki. Menurut *Kamus Dewan* (1998:1545) kewanitaan adalah berdasarkan perihai atau peri laku seseorang watak wanita itu, terutama dalam memaparkan sikap-sikap atau sifat-sifat mereka kepada masyarakat umum. Biasanya dalam konteks keputerian, mereka telah mengagung-agungkan tentang keelokan rupa paras dan sifat yang positif. Contohnya dalam teks *Sulalatus Salatin* Tun Sri Lanang telah mengukir watak Tun Teja anak bendahara inderapura adalah sangat cantik dan sifatnya cukup lemah lembut dan begitu juga dengan Puteri Gunung Ledang Seorang gadis Bonian yang cantik paras rupa serta baik budi perketinya telah menyebabkan Sultan Mahmud tertarik untuk memperisterikannya.

### 1.3.9 Perwanitaan

Dalam konteks perkembangan perwanitaan dalam dunia pada hari ini banyak perubahan pemikiran dan tatacara hidup mereka dalam masyarakat berbanding dengan zaman feudal. Menurut *Kamus Dewan* (1998:1011) perwanitaan adalah tentang perkembangan cirri-ciri kewanitaan dalam mencetus kehidupan mereka. Contohnya seperti yang telah digambarkan dalam *Kamus Dewan* (Edisi Keempat) bahawa kaum wanita mengikuti era perkembangan dan percetus corak hidup terutama dalam cirri-ciri seks sekunder wanita pada lelaki. Keadaan ini adalah amat bersesuaian dengan apa yang telah digambarkan oleh Tun Sri Lanang dalam *Sulalatus Salatin* selenggaraan A. Samad Ahmad bahawa wanita cenderung dalam bidang ini terutama zaman





pemerintahan Sultan Mahmud Syah di Melaka begitu juga dengan Raja Iskandar yang memerintah Singapura yang begitu terpesuk dengan wanita dan telah menyebabkan baginda kehilangan sebuah negara.

### 1.3.10 Dalam

Menurut *Kamus Dewan (1998;264)* yang boleh membawa erti sebagai suatu unsur yang mengandungi makna yang tidak mudah difahami iaitu lebih kepada yang terzahir. Ia juga boleh menerangkan kepada kita yakni sesuatu yang berkaitan antara satu sama lain sama ada dengan yang terbatas atau dalam lingkungan sesuatu. Selain daripada itu, ia juga boleh didefinisikan sebagai sesuatu yang berkaitan dengan sesuatu atau yang terbatas dengan lingkungan sesuatu. (Abrar Othman;1999;101)

### 1.3.11 Kajian Khas

Kajian ini telah diambil daripada perkataan atau kata dasar ‘kaji’. Menurut pandangan Haji Zainal Abidin Safarwan yang telah menyatakan tentang kata dasar atau perkataan ‘kaji’, boleh didefinisikan sebagai unsur peninjauan (meninjau), memeriksa, mempelajari, menyemak, menyelidik dan meneliti dengan mendalam atau secara terperinci. Ia juga boleh dikaitkan dengan timbang-menimbang, memikirkan dengan baik, memikirkan secara berulang-ulang, meneliti, mentafsir, menduga, mengaju, meninjau dan merasai. Kajian pula merupakan sesuatu yang telah dikaji. (1995;766)

Pengertian Khas pula ialah lebih merupakan sesuatu yang telah diperuntukkan atau telah ditentukan (untuk seseorang atau sesuatu kegunaan dan tugas). Perkataan Khas juga boleh didefinisikan sebagai sesuatu yang khusus, yakni yang istimewa (untuk seseorang atau sesuatu) dan tidak umum. (Hasan Hamzah, 1997;154)



#### 1.4 Kepentingan Kajian

Penkaji telah membuat kajian terhadap buku teks tingkatan enan iaitu teks *Sulalatus Salatin* dan mendapati bahawa menelusuri peranan wanita dalam teks ini adalah penting dalam mengembangkan jalan cerita seperti mana yang digambarkan oleh Tun Sri Lanang yang diselenggarakan oleh A.Samad Ahmad.

Penkaji juga telah menghampiri masyarakat, pelajar dan teks itu sendiri bagi menentukan tahap penghayatan dan pemahaman masyarakat, pelajar dan pengkaji sendiri tentang menelusuri peranan yang di mainkan oleh wanita dalam teks *Sulalatus Salatin*. Di sini jelaslah bahawa masyarakat dan pelajar dapat mengikuti dengan menghayati apa yang diterangkan oleh guru melalui teks *Sulalatus Salatin*. Tambahan pula peranan wanita yang digambarkan dalam teks *Sulalatus Salatin* adalah sejajar dengan perkembangan wanita pada hari ini iaitu dalam arus pemodenan masyarakat.

Pengkaji juga telah mengangap perkara ini adalah penting dengan konsep wanita pada hari ini yang berkaitan dengan Emasipasi Wanita iaitu perjuangan wanita dalam mendapat kebebasan hidup agar sama dengan kaum lelaki. Begitu juga dengan masyarakat dan pelajar terutama kaum perempuan, peranan wanita adalah penting bagi mereka kerana ingin mengharungi hidup dalam dunia moden dengan hak yang sama seperti kaum lelaki. Mesej yang disampaikan oleh penkaji terhadap masyarakat dan pelajar tentang peranan wanita pada zaman lampau iaitu zaman kerajaan Melayu Melaka dan zaman moden pada hari ini. Penghayatan masyarakat terhadap hasil pembacaan dan mengkaji dengan lebih mendalam adalah memuaskan kerana konsep ini senang dan mudah dihayati, difahami dan diketahui oleh mereka dalam jangka masa yang begitu singkat sahaja.

## 1.5 Objektif Kajian

Begitu juga dengan Matlamat Sukatan Pelajaran Malaysia yang ingin mendedahkan nilai sejarah seperti yang dikemukakan oleh pengkaji untuk menterjemahkan kepada masyarakat pada zaman ini, secara tidak langsung dapat mempertingkatkan pengetahuan masyarakat tentang kesusasteraan Melayu khususnya teks *Sulalatus Salatin* iaitu tentang menhayati peranan wanita dalam teks ini melalui proses pengetahuan sejarah, teori, kritikan dan genre sastra yang terdapat dalam teks ini.

Melalui Sukatan Pelajaran Malaysia juga, ada menerapkan nilai-nilai yang sebegini juga, tujuannya adalah untuk menyuburkan pertumbuhan dan perkembangan rohani masyarakat menerusi penghayatan dan menghayati sifat wanita dan peranan wanita yang terdapat dalam teks ini. Karya ini disampaikan oleh Tun Sri Lanang untuk melahirkan fungsi sebagai cerminan kehalusan seni, budi, pemikiran, intelek, pernyataan, rasa dan budaya bangsa Melayu terutama pada golongan wanita yang terdapat dalam teks ini.

Tujuan lain teks ini diajar disekolah adalah untuk membolehkan pelajar memahami dan menghayati konsep wanita pada zaman lampau dan moden seperti mana yang terdapat dalam teks sastra yang digunakan pada hari ini oleh pelajar tingkatan enam. Pengkaji juga telah memuatkan tentang objektif lain iaitu, agar pelajar dapat mengenali, mendalami dan menghargai pelbagai jenis dan sifat kesusasteraan Melayu umumnya tentang sifat wanita dan kehendak wanita seperti yang digambarkan oleh Tun Sri Lanang dalam teks *Sulalatus Salatin*.

Penkaji juga telah membawa pelajar dan masyarakat kedalam hasil kajian dengan zaman silam, hakikat sebenarnya pelajar dibawa untuk mengentahui suasana zaman, persekitaran sosial, latar masyarakat dan pemikiran yang menghasilkan teks kesusasteraan Melayu lama. Begitu juga dengan hasil kajin tentang zaman masyarakat Melayu lama yang berkaitan antara satu sama lain seperti tadi dalam mencorak kehidupan masyarakat lama. Keadaan ini adalah berkaitan tentang kehendak wanita pada zaman lampau yang dikaikkan dengan kuno dan berfikiran sempit dan kebelakang.

### 1.6 Hipotesis Kajian

Menurut Mohd.Majid Koting (2000;37) hipotesis adalah saranan yang sementara bagi menyelesaikan masaaalah. Hipotesis telah memudahkan pengkaji untuk mengaitkan teori dengan cerapan yang diperolehi. Hipotesis dapat memberi jangkaan kepada pengkaji berhubung dengan pembolehubah-pembolehubah. Keadaan ini amat jelas berdasarkan kepada bukti-bukti daripada cerapan yang didapati bagi menentukan samaada hipotesis itu perlu diterima atau tidak.

Manakala Hasyim Awang (1987;3) pula menyatakan bahawa hipotesis adalah gagasan atau fikiran inti tentang sesuatu yang dianggap sebagai pusat perbincangan. Bagi memudahkan sesuatu kajian dijalankan, pengkaji telah menyenaraikan beberapa hipotesis yang berkaitan dengan unsur penghayatan pengkaji terhadap peranan atau kedudukan wanita dalam teks *Sulalatus Salatin* selenggaraan A.Samad Ahmad. Di antaranya yang dapat pengkaji rumuskan ialah;



- 1.6.1 Tiada sebarang hubungan yang signifikan di antara penghayatan masyarakat, pelajar dan pembaca terhadap peranan atau kedudukan wanita dalam teks *Sulalatus Salatin*.
- 1.6.2 Tidak ada perbezaan yang signifikan tentang unsur penghayatan yang digunakan oleh guru dalam membentuk pelajar, masyarakat dan pembaca yang berkeperibadian yang tinggi. (Tesis Nor Aziah bt Ab Rahman ;2003)
- 1.6.3 Begitu juga dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam kelas di Sekolah tidak ada sebarang masaalah, bagi menyemai atau mewujudkan menghayati dan penghayatan dalam diri tentang peranan dan kedudukan yang dimainkan oleh watak wanita dalam teks *Sulalatus Salatin*.
- 1.6.4 Latar belakang buku teks *Sulalatus Salatin*, masyarakat dan pelajar juga tidak menimbulkan sebarang masaalah kepada pengkaji dan tidak terdapat perbezaan signifikan tentangnya dalam menentukan keberkesanannya dalam menghayati kedudukan dan peranan wanita dalam masyarakat lama di mata dunia global.



## 1.7 Batasan kajian

Batasan kajian dalam konteks ini adalah meliputi perkara-perkara berikut seperti mana yang terdapat dalam teks *Sulaltus Salatin* yang diselenggarakan oleh A.Samad Ahmad. Begitu juga dengan sasaran sampel yang terdiri dari masyarakat, pembaca, pelajar dan guru-guru yang mengajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu tingkatan Enan terutama karya Agung iaitu Teks *Sulalatus Salatin* Selenggaraan A.Samad Ahmad. Persempelan adalah berdasarkan Teks kajian dan juga terdiri dari kalangan pelajar-pelajar, masyarakat Melayu dan pembaca teks karya agung. Walaubagaimanapun pengkaji menghadapi konflik atau masaalah tentang penyelidikan hanya berdasarkan teks *Sulalatus Salatin* sahaja, antaranya ialah.





1.7.1 Masalah pengkaji terhadap kajian yang telah dijalankan melalui buku teks sekolah tingkatan enam ini adalah terlalu sedikit bahan yang berkaitan dengan peranan dan kedudukan wanita yang terdapat dalam *Sulalatus Salatin*. Tambahan pula teks kajian lain hanyalah sipi-sipi sahaja itu pun perlu di teliti terlebih dahulu. Namun teks kajian hanya banyak dalam buku ulasan *Sulalatus Salatin* tingkatan enam sahaja, itu pun bahan yang terdapat hanyalah sedikit sahaja.

1.7.2 Kefahaman tentang bahasa yang digunakan dalam teks *Sulalatus Salatin* adalah sukar juga kerana menggunakan bahasanya yang klasik dan sukar untuk difahami dalam masa singkat. Kebanyakan bahasa dan ungkapan yang terdapat dalam teks *Sulalatus Salatin* adalah begitu klasik dan sukar untuk difahami dengan jelas oleh pengkaji secara menyeluruh tentang peristiwa yang terdapat dalam teks ini.

1.7.3 Penampilan nama watak-watak yang begitu aneh dan pelik juga menyukarkan proses untuk mengigati secara keseluruhan oleh pengkahi dan pelajar tingkatan enam. Masalah pelajar adalah nama watak yang susah untuk disebut dan dihayati kerana watak wanita dalam teks ini adalah ramai.

1.7.4 Pelajar dan masyarakat juga sukar untuk membezakan tentang peranan wanita pada zaman lampau berbanding peranan wanita pada zaman moden ini. Dalam kajian, yang dilakukan oleh pengkaji, mendapati bahawa pelajar kurang berminat dengan teks lama terutama teks *Sulalatus Salatin*. Kebanyakan remaja dan pelajar hanya berminat tentang novel moden pada hari ini sahaja. Walaupun





demikian hanya terdapat segelintir sahaja yang betul-betul memberi perhatian tentang proses pembelajaran yang dijalankan oleh guru dalam bilik darjah.

1.7.5 Masalah lain juga dapat dikenal pasti oleh pengkaji dalam menghasilkan kajian ini adalah, Mengenai kos pembelanjaan semasa menjalankan kajian terhadap teks *Sulalatus Salatin*. Pengkaji bukan sahaja menumpukan perhatian terhadap teks malah pengkaji juga telah pergi ke beberapa buah sekolah yang beraliran sastera yang mempunyai tingkatan enam di Negeri Kelantan bagi mendapat hasil kajian.

## 1.8 Kaedah Kajian

Kaedah kajian yang telah dibuat ialah dengan menggunakan kaedah kajian perpustakaan. Tujuan kaedah ini dijalankan adalah untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan peranan atau kedudukan wanita dalam teks *Sulalatus Salatin*.

Umumnya bahan – bahan yang diperolehi adalah berdasarkan kepada teks *Sulalatus Salatin* dan buku ulasan yang berkaitan dengannya . Antara bahan-bahan lain yang ada di perpustakaan yang boleh diguna pakai ialah seperti akhbar, majalah sastera, kertas kerja, kertas seminar , jurnal-jurnal dan tesis-tesis yang berkaitan dengan kajian .

Bagi memudahkan lagi kajian, pengkaji atau penyelidik telah menggunakan kaedah temu bual terhadap masyarakat, pelajar dan pembaca yang berkaitan dengan tajuk kajian. Sesi temu bual secara lisan telah dilakukan oleh pengkaji terhadap pelajar-pelajar tingkatan enam yang mengambil subjek Kesusasteraan Melayu di sekitar Kota Bharu Kelantan. Pengkaji juga telah mewawancara pengemar dan pembaca hasil sastera lama terutama sastera sejarah seperti *Sejarah Melayu* dan *Sulalatus Salatin*. Di samping





itu juga, pengkaji telah menyediakan soalan secara lisan untuk ditemu bual atau wawancara kepada guru Sastera tingkatan Enam di Sekolah dalam Bandar Kota Bharu Kelantan. Kaedah ini adalah bertujuan untuk memudahkan pengkaji membuat perancangan awal dan analisis teks yang tepat bagi melicinkan kajian yang dilakukan .

Pengkaji juga telah menggunakan kaedah kualitatif di mana penkaji telah membuat analisis terhadap hasil dapatan kajian yang telah dijalankan ke atas buku teks *Sulalatus Salatin*, pelajar, masyarakat dan pembaca yang telah diperolehi dari kaedah temu bual, kaedah kajian perpustakaan dan yang paling utama adalah dengan kaedah kajian teks. Dengan kaedah ini pengkaji dapat menyelesaikan sebarang masaalah yang berkaitan dengan bahan dan maklumat untuk kajian kepadanya .

### 1.9 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, bahawa kesusasteraan Melayu semakin berkembang mengikut dengan era perubahan semasa dan globalisasi masyarakat. Perkembangan yang begini di katakana oleh ahli falsafah sastera bahawa hubungan sastera dalam kalangan masyarakat adalah semakin kuat terutama dalam kalangan guru-guru dan sasterawan negara yang semakin diagungkan dari masa ke semasa .

Begitu juga dengan peranan dan kedudukan wanita pada hari ini adalah berdasarkan kepada zaman lampau yang sudah mula bangkit dan di anggap penting sebagai aset negara. Oleh kerana perjuangan wanita penting dan agar sama taraf dengan lelaki dalam dunia moden pada hari ini, hasil dari perjuangan atau emasipasi wanita zaman pertengahan dan feudal yang sudah membentuk pengaruh terutama dalam politik dan social di melaka.dengan itu, jelaslah bahawa menghayati peranan atau kedudukan





wanita adalah penting dalam masyarakat sebagai pembantu kepada kaum lelaki dalam menangani pelbagai masalah dari dahulu hinggalah sekarang.

